

TRAIT PERSONALITI DAN HUBUNGAN DENGAN PRESTASI AKADEMIK BAKAL GURU DI SEBUAH INSTITUSI LATIHAN PERGURUAN

¹ Zulelawati Bujang & ²Yusni Zaini Yusof

¹Universiti Kebangsaan Malaysia

²Universiti Malaya

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan personaliti dalam kalangan bakal guru Semester 8 IPGKTAR dengan prestasi akademik. Kajian ini adalah berdasarkan kepada Teori Personaliti 'The Big-Five'. Seramai 87 orang bakal guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 8 Ambilan Januari 2011 terlibat sebagai responden. Kaedah pensampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Data dikumpul melalui soal selidik yang dibina oleh John dan Srivastava (1999). Analisis deskriptif iaitu frekuensi dan min digunakan untuk analisis taburan. Sementara itu, analisis korelasi spearman digunakan untuk analisis hubungan antara personaliti dengan prestasi akademik. Penganalisan data dibuat dengan berbantuan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 18.0. Dapatan deskriptif telah menunjukkan bahawa bakal guru memiliki personaliti yang sesuai dengan ciri-ciri seorang guru iaitu trait *Extroversion*, *Conscientiousness*, *Openness*, dan *Agreeableness*. Manakala bagi trait *Neuroticism* berada pada tahap yang rendah di antara kelima-lima trait personaliti. Ujian korelasi Spearman telah mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah personaliti dan prestasi akademik.

Kata kunci Trait, Personaliti, *Big Five*, prestasi akademik

ABSTRACT

This study aims to explore the relationships between trait personality and academic achievement among Semester 8 IPGKTAR future teachers. This study is based on the Theory of Personality 'The Big-Five'. There are 87 respondents among the Bachelor of Education Program (PISMP) students in Semester 8 for January 2011 intake. Purposive sampling method was used in this study. Data was collected through questionnaire which was built by John and Srivastava (1999). Descriptive analysis of the frequency and distribution of the mean was used for data analysis. Meanwhile, Spearman correlation

analysis was used to determine the relationship between personality and academic performance. The data were analyzed through software Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 18.0. Descriptive findings have shown that future teachers have trait personality that fits to the characteristics of teacher, that are known as Extroversion trait, Conscientiousness, Openness, and Agreeableness. While for Neuroticism is at its lowest level against the five personality traits. Spearman correlation test has found that there is no significant relation between personality variables and academic performance.

Keywords *Trait, Personality, Big Five, academic achievement*

PENGENALAN

Setiap individu memiliki potensi dan bakat yang boleh diperkembangkan dan dipertingkatkan. Ia boleh memberi impak dalam perkembangan dan pertumbuhan fizikal, kognitif, psikomotor dan emosi. Keperluan ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu pendidikan yang memfokuskan pembangunan secara holistik dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Justeru itu, sebagai individu yang terpilih menyertai latihan di institusi pendidikan guru mempunyai cabaran yang lebih besar dalam merealisasikan keperluan FPN kerana ia merupakan asas dalam kecemerlangan kerjaya dalam profesion keguruan (Kahirool *et. al* 2008).

Kerjaya dalam bidang perguruan merupakan satu profesion yang mempunyai peranan yang tersendiri dalam membentuk generasi akan datang (Khairul Anuar 2013). Ia bermula dari pembentukan sahsiah keguruan itu sendiri ke dalam diri individu yang menjalani latihan perguruan. Selari dengan itu, visi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru adalah bagi memenuhi keperluan Anjakan 4 dalam transformasi baharu pendidikan. Oleh itu, misi IPGM pula adalah untuk melahirkan guru kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia.

Guru yang kompeten dan berjiwa pendidik dapat dilahirkan sekiranya bakal guru sedia menyelami dan melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan berkecenderungan memiliki personaliti seorang guru. Kecenderungan memiliki personaliti yang selaras dengan latar belakang kerjaya dapat membantu individu mencapai kestabilan kerja (Sidek, 2008). Kajian berkenaan keselarasan personaliti telah dilaksanakan dalam kalangan pelajar di universiti bagi melihat keselarian antara trait personaliti dengan dengan pemilihan kursus (Nazri, 2001). Kajian kali ini lebih berfokus untuk mengenal pasti trait personaliti dengan pencapaian akademik pelajar opsyen pendidikan, iaitu bakal guru. Tambahan, kajian ini menjadikan Teori Personaliti Allport lalu menghasilkan Personaliti *Big Five* sebagai landasan kajian, masih kurang digunakan dalam kajian di Malaysia (David, 2000). Kajian lepas yang berpandukan

Personaliti *Big Five* tidak mengkaji trait personaliti dalam bidang perguruan (Cawangan Pengurusan Psikologi, 2012). Teori Personaliti *Big Five* dilihat sesuai digunakan bagi mencapai tujuan kajian ini.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Isu personaliti merupakan tunjang utama dalam pemilihan kerjaya yang sesuai bagi individu. Guru bukan sahaja harus bersedia dari segi ilmu dan kemahiran tetapi juga bersedia dari aspek personaliti kerana ia merupakan penanda aras kecemerlangan profesion perguruan. Kajian Nor Azrin (2005) menyatakan seorang guru yang memiliki personaliti dengan menunjukkan sikap peramah, mudah mesra, penyayang dan sebagainya dapat menarik minat murid untuk belajar. Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Decker & Rimm-Kaufman (2008) turut menegaskan tentang kepentingan pengaruh personaliti dalam perkembangan dan pembentukan tanggapan bakal guru terhadap pengajaran dan pembelajaran.

Personaliti pada umumnya merujuk kepada perwatakan, keperibadian atau sahsiah individu. Ia berasal dari perkataan Latin yang bermaksud *persona* iaitu topeng muka pelakon teater Yunani di atas pentas agar ia sesuai dengan watak yang dilakonan oleh mereka. Ini akan menutupi identiti asal yang disembunyikan di sebalik topeng tersebut. Kajian Mishel (1968) pula mendefinisikan personaliti sebagai pola-pola tingkah laku individu yang dijemakan dan kemudian dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Dapatan dari kajian Azhani (2008) turut menyokong bahawa antara pola-pola tingkah laku yang sepatutnya ditunjukkan oleh guru dan menjadi ciri-ciri yang digemari oleh murid adalah sabar, tenang, bertimbang rasa, adil, rajin, kreatif, inovatif dan bersedia mendengar kritikan menjadi amalan guru.

Menurut Allport (1961) pula, personaliti ada sistem psiko-fizikal yang dinamik dan akan memberi garis panduan kepada individu untuk menentukan ciri-ciri tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran kemanusiaan dan fizikalnya. Oleh itu, personaliti yang dinamik ini akan memberi ruang kepada perubahan yang positif dan negatif yang bergantung rapat dengan fizikal seseorang. Kajian yang dilakukan oleh Grubb (2002) turut menyokong teori ini dengan menyatakan bahawa personaliti yang terbina datang daripada pelbagai pengaruh iaitu jantina, kedudukan, penempatan, agama, budaya, bahasa dan politik. Ini jelas membuktikan bahawa pembinaan personaliti memerlukan bentuk-bentuk konflik sosial yang berbeza.

Terjemahan personaliti secara umumnya mendapati setiap individu adalah unik walaupun berada dalam lingkungan persekitaran yang sama. Ciri-ciri personaliti individu adalah tekal untuk satu tempoh masa dan ia dapat dikesan dengan jelas pada situasi tertentu. Oleh sebab itu, kajian ini akan meninjau hubungan trait personaliti bakal guru di IPGM terhadap prestasi akademik mereka. Kajian Barrick dan Mount (1991); Salgado (1997); Hough dan Ones (2001) menyatakan bahawa personaliti mampu menjadi peramal yang sah kepada prestasi kerja individu terutama dalam bidang perguruan. Bagi bakal guru yang masih berada dalam tempoh latihan, persediaan

ke arah profesion keguruan perlu mengambil kira dari aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran juga memandangkan faktor sikap dan sahsiah (personaliti) mereka boleh dipengaruhi oleh budaya kerja dan kualiti perkhidmatan apabila berkhidmat nanti (Kamalul Hayat Raman 2005).

PENYATAAN MASALAH

Antara cabaran utama dalam bidang keguruan adalah untuk melahirkan bakal guru yang bersedia untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran serta memiliki personaliti yang sesuai dengan ciri-ciri seorang guru. Justeru itu, hubungan antara trait personaliti yang lebih dominan dalam diri bakal guru dan perkaitannya dengan prestasi akademik ditinjau secara khusus melalui kajian ini.

Kajian-kajian terdahulu yang turut meninjau hubungan personaliti dan pencapaian akademik iaitu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Batu Pahat (Yong 2007), hubungan turutan kelahiran dengan personaliti dan pencapaian akademik (Hafiza 2012). Oleh sebab itu, tahap prestasi akademik yang dibincangkan juga berbeza serta tidak dapat dibuat perbandingan dengan kumpulan kajian pengkaji. Di samping itu, takrifan prestasi akademik bagi bakal guru di IPGM adalah nilai gred terkumpul yang turut menghimpunkan gred untuk aktiviti ko-kurikulum dan praktikum.

Selari dengan itu, kajian tentang personaliti dengan pelbagai pemboleh ubah yang melibatkan kumpulan bakal guru daripada Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) masih sangat kurang dijalankan. Penemuan dari kajian ini diharapkan nanti akan memberi sumbangan dalam badan ilmu itu sendiri dan pengkaji akan datang.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau hubungan di antara trait personaliti bakal guru dengan prestasi akademik mereka. Objektif kajian ini secara khusus adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap trait personaliti bakal guru Semester 8 IPGKTAR.
- ii. Mengenal pasti tahap prestasi akademik bakal guru Semester 8 IPGKTAR.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara trait personaliti bakal guru dengan prestasi akademik.

Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap trait personaliti bakal guru Semester 8 IPGKTAR?
- ii. Apakah tahap prestasi akademik bakal guru Semester 8 IPGKTAR?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara trait personaliti bakal guru dengan prestasi akademik?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini juga merupakan kajian korelasi kerana menurut Tuckman (1934), kajian korelasi mengkaji pemboleh ubah yang telah berlaku atau sedia wujud dalam unit sosial sebelum bermula sesuatu kajian. Ia akan menentukan perkaitan dan hubungan antara pemboleh ubah personaliti dan prestasi akademik. Perkaitan di antara pemboleh ubah ini digunakan bagi membuat ramalan kepada keputusan kajian yang dilakukan.

Soal-selidik demografi digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat personel mengenai responden. Instrument '*The-Big Five*' Personality mengandungi 44 item (John & Srivastava 1999) bagi mengukur domain personaliti responden. Analisis kebolehpercayaan bagi kelima-lima domain di dalam pekali *Alpha Cronbach* yang telah dilakukan oleh John dan Srivastava (1999), mendapati daripada kajian adalah 0.87 bagi domain *Neuroticism (N)*, 0.86 bagi domain *Extraversion (E)*, 0.83 bagi domain *Openness to Experience (O)*, 0.79 bagi domain *Agreeableness (A)*, dan 0.82 bagi domain *Conscientiousness (C)*. Selain daripada itu, nilai Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGK) bakal guru pada peperiksaan di Semester 7 akan diguna pakai sebagai nilai prestasi akademik kajian.

Lokasi Kajian

Pengkaji telah memilih Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) sebagai lokasi untuk menjalankan kajian kerana ia merupakan IPG Kampus tempat pengkaji bertugas. Ini akan memudahkan pengkaji mendapat kerjasama dalam menguruskan pentadbiran instrumen kajian serta menangani kerenah birokrasi, kos, tenaga dan masa.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada seramai 87 orang bakal guru PISMP Ambilan Januari 2011 yang kini berada di Semester 8 pengajian mereka di IPGKTAR.

Instrumen Kajian

Pengumpulan data untuk kajian ini telah menggunakan soal-selidik kerana kaedah ini akan dapat mengumpul data dengan cepat daripada responden. Di samping itu, terdapat dua bahagian utama yang digunakan dalam kajian ini, iaitu:-

- i. Bahagian A : Demografi – Jantina, Bangsa, Pencapaian (PNGK, Gred Praktikum dan Gred Ko-Kurikulum).
- ii. Bahagian B : Inventori Personaliti '*The Big-Five*' – 44 item dibahagikan kepada 5 domain (*Neuroticism, Extraversion, Openness, Agreeableness dan Conscientiousness*).

Instrumen ini dibina oleh John dan Srivastava (1999) dan diguna pakai secara meluas oleh pengkaji-pengkaji lain dalam bidang yang sama seperti Rammstedt dan John (2007), John Naumann dan Soto (2008), Kahiroh et. al (2008), Faizah & Zuhaili (2008), Asrul Azmin (2010) dan Khairul Anuar (2013).

DAPATAN KAJIAN

Analisis Jantina

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Berdasarkan Jadual 1, jumlah responden bagi kajian adalah seramai 87 orang bakal guru PISMP Semester 8 (Ambilan Januari 2011). Daripada jumlah tersebut, 35 orang iaitu sebanyak 40.2% adalah responden lelaki. Manakala responden perempuan pula terdiri daripada 52 orang iaitu sebanyak 59.8%.

Jadual 1 Analisis taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	35	40.2
Perempuan	52	59.8
Jumlah	87	100.0

Analisis Tahap Trait Personaliti Bakal Guru Semester 8 IPGKTAR

Jadual 2 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap domain trait personaliti bakal guru. Terdapat lima trait personaliti yang telah diukur iaitu *Neuroticism*, *Extraversion*, *Openness*, *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. Dapatan kajian menunjukkan kelima-lima domain tersebut mencatat tahap min sederhana. Namun begitu, terdapat dua domain yang mencatatkan min pada tahap sederhana tinggi iaitu *Extraversion* ($M=3.64$, $SD=0.35$) dan domain *Openness* ($M=3.60$, $SD=0.44$). Sementara itu, domain *Agreeableness* pula mencatat ($M=3.30$, $SD=0.30$), domain *Conscientiousness* ($M=3.12$, $SD=0.34$) dan domain *Neuroticism* mencatat tahap min dan sisihan piawai yang paling rendah iaitu ($M=3.10$, $SD=0.37$).

Jadual 2 Nilai min dan sisihan piawai bagi trait personaliti bakal guru

Trait Personaliti	Min	Sisihan Piawai	Tahap (Barnett 2000;Jamil 2002; Jainabee 2005)
Agreeableness	3.30	0.30	Sederhana
Extroversion	3.64	0.35	Sederhana (Tinggi)
Conscientiousness	3.12	0.34	Sederhana
Neuroticism	3.10	0.37	Sederhana
Openness	3.60	0.44	Sederhana (Tinggi)

Tahap prestasi akademik bakal guru Semester 8 IPGKTAR

Jadual 3 menunjukkan tahap prestasi akademik bakal guru PISMP Semester 8 Ambilan Januari 2011. Dapatan menunjukkan Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGK) bakal guru berada dalam kelas pertama dan kedua atas sahaja. Seramai 42 orang (48.3%) bakal guru mencapai PNGK dalam kategori 3.75-4.00 iaitu anugerah untuk kelas pertama. Manakala, 45 orang (51.7%) bakal guru pula berada dalam kelompok kelas kedua atas dengan kategori 3.00-3.74 .

Jadual 3 Penganugerahan kelas bagi PNGK bakal guru

Julat PNGK	Bilangan	Peratus (%)	Kelas (IPGM 2013)
3.75 – 4.00	42	48.3	Pertama
3.00 – 3.74	45	51.7	Kedua Atas
2.00 – 2.99	-	-	Kedua Bawah
0.00 – 1.99	-	-	Gagal

Analisis Hubungan Antara Trait Personaliti Bakal Guru Dengan Prestasi Akademik

Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian bagi menguji Hipotesis nol seperti berikut:

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara trait personaliti dan prestasi akademik dalam kalangan bakal guru Semester 8 Ambilan Januari 2011.

Hasil daripada analisis tersebut telah mendapati tidak wujud hubungan korelasi antara trait personaliti dan prestasi akademik. Ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara trait personaliti dan prestasi akademik. Maka H_0 diterima.

Jadual 4 Hubungan antara trait personaliti dengan prestasi akademik

Trait Personaliti	Nilai Korelasi (r)	Signifikan
Agreeableness	-0.08	0.44
Extroversion	-0.06	0.58
Conscientiousness	-0.13	0.24
Neuroticism	0.00	0.97
Openness	-0.01	0.94

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bakal guru memiliki trait personaliti yang sederhana pada *Neuroticism*, *Extraversion*, *Openness*, *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. Namun begitu trait personaliti *Neuroticism* merupakan trait yang paling rendah tahapnya. Ini telah menunjukkan bahawa bakal guru ini mempunyai ciri-ciri personaliti yang sesuai untuk menjadi seorang guru dan telah mengukuhkan lagi kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu bahawa kelima-lima trait personaliti tersebut adalah dalam kelompok yang ada hubungan dengan kognitif, afektif dan kelakuan seorang pendidik (Feshbach et al 1996, Heinstrom 2003, Kahirol 2008, Asrul Azmin 2010).

Sehubungan dengan itu, trait *Extraversion* merupakan skor tahap min yang tinggi dapat memberikan gambaran bahawa seseorang itu mempunyai personaliti seperti mudah bergaul, memiliki emosi yang positif, bertenaga, bercita-cita tinggi, peramah dan dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan orang lain. Ciri-ciri personaliti ini mempunyai persamaan dengan trait personaliti ekstrovert yang memang sesuai dimiliki oleh seorang guru (Faizah & Nagarajan 2012). Di samping itu, guru yang memiliki ciri *Extraversion* yang tinggi merupakan individu yang mampu memberikan komitmen serta melaksanakan tugas mereka dengan usaha yang bersungguh-sungguh (Tallman dan Bruning 2008). Ini adalah kerana, tugas guru semakin berhadapan dengan cabaran yang pelbagai aktiviti yang melangkaui tugas hakiki seorang guru. Oleh itu, guru yang mempunyai semangat serta komitmen yang tinggi akan mampu menangani beban tugas ini dengan lebih rasional dan beriltizam.

Trait personaliti seorang guru dapat membantu menikmati kepuasan bekerja. Kepuasan bekerja hanya lahir dalam diri seseorang yang benar-benar merasakan dirinya seorang menjiwai kerjayanya dan memiliki personaliti yang selaras dengan kerjaya itu sendiri. Bakal guru yang memiliki trait personaliti guru mempunyai nilai tambah yang dapat melancarkan pembentukan jati diri seorang guru. Keselarasan trait personaliti dengan bidang pekerjaan guru ini dapat memungkinkan guru bertahan lebih lama dalam kerjaya. Hal ini disebabkan individu yang memiliki trait personaliti guru mengecap kepuasan bekerja lantas tidak mudah jemu atau kecewa dengan tuntutan kerja (Junaidah dan Nik Rosali, 2013).

Di samping kepuasan kerja, bakal guru harus bersedia menghadapi cabaran dalam bidang kerjaya keguruan ini. Trait personaliti guru salah satu daripada perkara penting yang menyumbang kekentalan jiwa dalam menghadapi cabaran semasa pekerjaan kerana sepertimana kerjaya yang lain, bidang keguruan mempunyai cabaran yang tersendiri. Untuk mengharungi cabaran dengan penuh rasa integriti, kekentalan jiwa sebagai 'pendidik' banyak membantu bakal guru untuk bertahan dalam profesion. Personaliti guru yang kurang menepati kerjaya keguruan dipercayai mewujudkan kurang komitmen dan tidak inovatif dalam menyelesaikan masalah (David, 2000). Kesannya guru tidak dapat menghasilkan kerja yang berkualiti. Oleh yang demikian adalah penting bakal guru dididik dan dibentuk dengan acuan personaliti guru.

Sementara itu, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara trait personaliti dan prestasi akademik. Kajian mendapati tiada hubungan yang kuat atau lemah di antara kedua-duanya. Walau bagaimanapun, kajian yang telah dijalankan oleh Che Mah & Mariani (2001) menyatakan bahawa personaliti seseorang memainkan peranan penting sebagai penyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, kajian lanjutan yang dilaksanakan secara kualitatif akan membantu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menyelaras kajian tentang hubungan personaliti dan prestasi akademik.

Sebagai kesimpulan, trait personaliti bakal guru di IPG dilihat bersesuaian dengan trait personaliti yang harus dimiliki oleh seorang pendidik. Trait personaliti ini dapat disuburkan secara berterusan sepanjang bakal guru mengikuti kursus di IPG, agar matlamat KPM untuk melahirkan guru berkualiti yang setanding dengan produk global bakal dicapai. Manakala trait personaliti bakal guru IPG dilihat tidak mempengaruhi tahap pencapaian akademik mereka. Hal ini merupakan satu isu menarik yang boleh dipanjangkan melalui kajian akan datang.

RUJUKAN

- Asrul Azmin bin Masiron. 2010. Hubungan antara personaliti dan penghargaan sendiri pelajar cemerlang akademik. MRSM Pontian.
- Azhani Adnan. 2008. Kertas Kajian. *Personaliti Guru: Pengaruh ke atas Pengajaran dan Pembelajaran*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Cawangan Pengurusan Psikologi. (2012). Laporan Dapatan Kajian Peranan dan Kesan Trait Personaliti Terhadap Prestasi Kerja. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan Malaysia.
- David Selvam. (2000). Pengaruh Personaliti Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru. Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Decker. L & Rimm-Kaufman. Sara. 2008. Personality Characteristics and Teacher Beliefs Among Pre-Service Teachers. *Teacher Education Quarterly*. 35(2): 45-64.
- Faizah Abd. Ghani & Mustafa Zakaria. 2011. *Profil Personaliti dan Faktor Pemilihan Profesion Perguruan di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Fakulti Pendidikan UTM*. Fakulti Pendidikan. UTM.
- Faizah bt Abd. Ghani & Nagarajan Kupusamy. 2012. Hubungan Trait Personaliti dan Kecekapan Guru Bimbingan dan Kaunseling Dalam Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang Johor. *Journal of Educational Psychology & Counseling*. (6) June 2012. 92-115
- Feshbach.S.Weiner.B & Bohart.A. 1996. *Personality*. 4th Ed. Toronto : D.C. Health and Company.
- Grubb, W.N. 2002. *Who Am I: The Inadequacy of Career Information in The Information Age*. Berkeley: U.S.A.

- Hafiza binti Kasan. 2012 . *Hubungan Turutan Kelahiran dengan Personaliti dan Pencapaian Akademik dalam kalangan Pelajar Tingkatan Empat Daerah Batu Pahat*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Heinstrom. J. 2003. Five Personality Dimensions and Their Influence on Information Behaviour. (9) 1. <http://informationr.net/ir/9-1/paper165.html>
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2013. *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian*. Cyberjaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Junaidah Mohamad dan Nik Rosila Nik Yaacob. (2013). Kajian Tentang Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol 28, 103-115, 2013
- John, O.P., & Srivastava, S. 1999. The Big-Five Trait Taxonomy: History, measurement, and theoretical perspectives. In L.A. Pervin & O.P. John (Eds), *Handbook of Personality: Theory and research*. Vol.2, pp. 102-138. New York: Guilford Press
- Kahiroh bin Mohd Salleh, Nurhasliza binti Rosli, Nor Lisa binti Sulaiman, Badaruddin bin Ibrahim, Mohamad Zaid bin Mustafa. 2008. Kesesuaian kerjaya dalam bidang keguruan. *The 6th International Malaysian Studies Conference*, 5-7 Ogos 2008.
- Kamalul Hayat Rahman. 2005. Kertas kajian. *Persediaan Pelajar Sarjana PTV Terhadap Profesion Keguruan dari Aspek Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairul Anuar A. Rahman. 2012. Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Komunikasi. *Akademika*. 82(2) 2012 : 37-44
- Mishel, W. 1968. *Personality and Assessment*. New York: Wiley.
- Nazri Hulwany Abdullah (2001). *Kajian Terhadap Minat Kerjaya di kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa*. Tesis Master Tidak Diterbitkan. Batu Pahat Johor, Universiti Tun Hussein Onn.
- Sidek Noah. (2008). *Perkembangan Kerjaya Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Syed Muid Kamal S.A. Bakar & Ahmad Esa. 2012. *Instrumen Kemahiran Generik Guru Pelatih Pendidikan Jasmani dan Kesihatan IPGM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tallman. R and Bruning. N. 2008. Relating employees' psychological contracts to their personality. *Journal of Managerial Psychology*. 23(6) 688-712.
- Tuckman. B.W. 1934. An Enquiry As to the Choice of the Teaching Profession by University Students. *British Journals of Education Psychology*. (4) 237-259.
- Yong Chooi Yean. 2007. *Hubungan Personaliti dan Pencapaian Akademik dalam kalangan Pelajar Tingkatan Empat Daerah Batu Pahat*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.